



Aswara wajar beli telefilem **Ronggeng Rokiah**

PEMERGIAN tokoh ilmuwan filem, Dr Anuar Nor Arai ke alam barzakh pada 20 Januari lalu memang mengejutkan dunia pendidikan dalam bidang perfileman. Beliau juga memang dikenali sebagai pejuang seni filem dan pemergiannya memang dirasai kerana sumbangannya masih diperlukan untuk membantu industri filem di negara ini, terutama mengasuh generasi muda menjadi insan cerdas filem.

Allahyarham meninggal dunia pada usia 66 tahun akibat penyakit jantung dan komplikasi paru-paru. Pemergiannya bukan saja dirasai ahli keluarga dan sanak saudaranya tetapi ramai rakan dan seluruh kenalannya terutama mereka yang pernah mendapat bimbingan daripadanya sama ada secara formal mahupun tidak. Kekuatan Allahyarham ialah melihat sudut perfileman secara menyeluruh dari segi akademik terutama berkaitan estetika, artistik dan falsafah sesebuah karya filem.

Meskipun lebih dikenali sebagai tokoh akademik dalam bidang filem, Allahyarham semasa hayatnya juga berkesempatan mengarah beberapa teater, telefilem dan satu-satunya filem cereka berjudul *Johnny Bikin Filem*. Karyanya tentu dijadikan rujukan penting dan untuk masa akan datang, khazanah seni beliau tinggalkan akan menjadi khazanah berharga terutama untuk pusat pengajian tinggi yang menyediakan kursus perfileman.

Sesudah 29 hari beliau meninggal dunia, kita mendengar khabar Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) akan menerbitkan buku mengenai koleksi himpunan artikel dan penulisan skrip beliau untuk dijadikan bahan arkib untuk dikongsi kepada semua pencinta ilmu dan rujukan pelajar filem. Usaha Aswara itu adalah satu inisiatif bijak yang diketuai Rektor Aswara, Datuk Dr Mohamed Najib Ahmad Dawa untuk menjadikan hasil pemikirannya sebagai rujukan penting demi pembangunan ilmu perfileman di negara ini.

Begitu juga *Johnny Bikin Filem*, ia kini menjadi hak Universiti Malaya (UM) dan tentunya karya filem itu amat berharga dijadikan bahan rujukan pada masa kini dan akan datang kerana banyak aspek ilmu filem boleh dipelajari menerusi kerja seni Allahyarham itu. UM beruntung kerana menjadi satu-satunya pusat pengajian tinggi yang memegang hak cipta karya Allahyarham dalam bentuk sebuah filem cereka apatah lagi filem itu mempunyai durasi lebih lima jam.

Dalam mengimbuai semula beberapa karya Allahyarham, sesuatu yang ramai orang tidak tahu ialah mengenai kewujudan satu telefilem berjudul *Ronggeng Rokiah* yang pernah dihasilkan Allahyarham semasa hayatnya



Dr Anuar Nor Arai

pada 2005. Telefilem selama tiga jam itu, yang dibahagikan kepada dua episod kini menjadi sebuah karya eksklusif kerana belum disiarkan mana-mana stesen TV atau dijual dalam bentuk DVD atau VCD. Ia adalah karya telefilem terakhir Dr Anuar yang pernah mengaku karyanya itu adalah luahan segala ilmu yang dimilikinya dengan bajet dan kemampuan terhad untuk mengabadikan sebuah cerita yang begitu dekat dengan jiwanya.

Telefilem itu dihasilkan selepas kejayaan pementasan teater *Ronggeng Rokiah* yang dipentaskan di Istana Budaya pada 2004. Berikutan sambutan baik terhadap teater itu, Dr Anuar mendapat kepercayaan daripada penerbit drama terkenal, Mohd Noor Kadir dari Kuasatek Pictures Sdn Bhd untuk menghasilkan telefilem menggunakan judul sama pada tahun berikutnya. Penggambaran banyak dibuat di Ipoh dan Klang. Saya mendapat tahu hak cipta telefilem *Ronggeng Rokiah* itu kini masih dipegang Kuasatek Pictures. Telefilem ini dibintangi beberapa nama terkenal termasuk Datuk Jalaludin Hassan, Zack Kool, Maimon Mutalib, Rashidah Jaafar dan Khir Mohd Noor, selain watak utamanya ialah bakat baru, Fatimah Sheikh Omar yang membawa watak Rokiah Ronggeng. Pelakon lain ialah Qhalid M Keatings, Yahya Hamid, Nani Lee, Ayu Saufee dan Suzaidi Saidin.

Kita berasa ralat kerana sejak telefilem ini disiapkan lima tahun lalu, ia belum disiarkan oleh mana-mana stesen TV. Malah, ada stesen TV yang tidak berminat untuk menyiarkannya kerana ia dianggap bukan komersial, terlalu bersifat akademik, tidak ada wajah cantik dan popular selain mungkin kerana ceritanya begitu berfalsafah.

Sesiapa yang pernah mendampingi dan menghayati kerja seni Dr Anuar akan sedar dan tahu karya Allahyarham mempunyai keunikan tersendiri kerana beliau menghasilkannya dalam gaya berbeza sebab merujuk kepada ilmu filem yang banyak bermain dengan konsep gaya lakon bersahaja, sinematografi yang halus dengan konsep tatabahaya chiaroscuro, imej bayang dan



Dr Mohamed Najib

silhouette. Sentuhannya selalu merujuk kepada pengalaman yang mencetuskan rasa ketiduhan bersifat anguished, selain kelembapan babak dengan unsur yang membina itu bermaksud imej dihasilkan menghidupkan sinematografi dan makna. Ketegangan yang berlaku dalam babak bukan kerana ia bergerak dengan aksi pantas, sebaliknya Dr Anuar pernah menyifatkan "the interplay of human tension is in its slowness..."

Seperti mana teater *Ronggeng Rokiah*, dalam telefilem itu juga sebenarnya Dr Anuar cuba mendekati kerja seninya yang rapat dengan hipotesis ilmu filem secara teoritikal, konseptual dan perseptual menerusi pengaruh jiwanya yang dekat dengan latar zaman dan manusia Melayu pada era 1950-an khususnya di Singapura. Zaman *Old Singapore* adalah kegemaran Dr Anuar kerana di situ beliau meluahkan rasa kecewa, rintihan, marah dan kesal dengan apa yang berlaku terhadap nasib dan tanah airnya.

Maka, telefilem *Ronggeng Rokiah* bukan sekadar sebuah kisah sekumpulan manusia yang terperangkap dalam dunia kaberet dan gangster tetapi ironinya ia adalah subteks kepada manusia yang terpinggir, terdampar, menagih harapan, terpinggira, terdampar dan hilang identiti. Ia lebih kepada persoalan politik, ekonomi dan sosial manusia Melayu di Singapura era itu.

Telefilem ini dihasilkan dalam bentuk *noir*, iaitu sejenis gaya visual dalam genre yang dasarnya daripada pendekatan *thriller* dan berkonsep gangsterisme di Amerika. Dalam telefilem ini juga ia bersifat separa muzikal dengan pengaruh muzik tango dalam bentuk *speech rhythms* ketika manusia Melayu berdepan zaman meleset dengan kehidupan terpaksa menempuh sistem nilai zamannya.

Kita amat berharap, ada usaha untuk menyelamatkan telefilem *Ronggeng Rokiah* daripada terus dibiarkan terperap di pejabat Kuasatek Pictures. Daripada ia dicincang ceritanya untuk dijadikan ia dalam durasi pendek semata-mata untuk disiarkan di



Mohd Noor Kadir

stesen TV, lebih baik ada pihak dari pusat pengajian tinggi terutama Aswara mengambil daya usaha membeli hak cipta *Ronggeng Rokiah*. Ia penting untuk dijadikan rujukan dan bahan arkib di akademi itu sendiri terutama kepentingan pengajian filem yang ada di sana. Aswara wajar mengambil alih *Ronggeng Rokiah* supaya hasil yang diperoleh itu lengkap seperti mana dihasilkan Dr Anuar iaitu tempoh durasinya selama tiga jam dan sifat telefilem itu sendiri tidak dirosakkan jika ia dipendekkan menjadi satu setengah jam.

Jika ini terlaksana, Aswara bukan saja kelihatan bertanggungjawab dan peka dengan bahan ilmiah seperti telefilem dihasilkan oleh seorang tokoh ilmuwan filem, sebaliknya membuktikan Aswara dapat mengabdikan penghargaan kepada bekas Timbalan Rektor dan dekan jabatan filemnya, iaitu Dr Anuar sendiri. Kita yakin, Dr Mohamed Najib akan dapat 'menyelamatkan' karya Dr Anuar itu.

Mohd Noor dalam satu perbualan ada memberitahu; "Kembalinya Dr Anuar ke rumah matullah banyak meninggalkan bahan visual untuk kajian. Bahasa filemnya yang dikatakan begitu tinggi sempat diabadikan dalam telefilem arahan dan skrip daripada beliau sendiri iaitu *Ronggeng Rokiah*. Namun, ia tidak diterima untuk disiarkan oleh sebuah stesen TV kerana mereka tidak faham falsafah beliau mengenai kerja seni filem. Sinematografi dan artistiknya memang amat indah. Saya sudi sekiranya telefilem ini dijual kepada mana-mana stesen TV atau kepada mana-mana pihak yang berminat seperti Finas atau pusat pengajian tinggi. Ini penting supaya khalayak berpeluang mengkaji dan menilai pemikiran insan seni yang boleh dikatakan semasa hayatnya beliau seolah-olah dipinggirkan..."

Kita juga berharap Mohd Noor sudi untuk menjual hak cipta telefilem *Ronggeng Rokiah* kepada Aswara demi kebaikan masa depan pembangunan ilmu filem di negara ini.

Kata orang, biar dahi berlutuk asal tanduk mengena...
-akmel@bharian.com.my